

Jawatan Timbalan, Naib Presiden Pas jadi rebutan

Oleh YULPISMAN ASLI

KOTA BHARU 30 Mei - Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengekalkan jawatan apabila menang tanpa bertanding pada pemilihan sempena Muktamar Tahunan Pas Ke-53 yang dijadualkan di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik) bermula Jumaat ini.

Setiausaha Agung Pas Pusat, Datuk Kamaruddin Jaafar ketika memaklumkan perkembangan tersebut pada sidang akhbar di sini hari ini berkata, hanya jawatan itu sahaja yang tidak dipertandingkan.

Sementara untuk jawatan Timbalan dan Naib Presiden di samping tiga jawatan utama Dewan Ulama Pas iaitu Ketua, Timbalan dan Naib Ketua akan berlaku pertandingan.

Turut berlaku perebutan jawatan ialah bagi Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Muslimat serta Naib Ketua Dewan Pemuda Pas.

Bagaimanapun beliau enggan mengesahkan mereka yang bakal bertanding dan keputusan rasmi hanya akan diumumkan lewat malam ini ekoran kemungkinan calon menarik diri pada saat akhir.

Difahamkan bagi jawatan Timbalan Presiden, Nasharudin Mat Isa yang baru memegang jawatan itu untuk tempoh satu penggal, akan ditentang oleh Ketua Dewan Ulama Pas, Datuk Harun Taib.

Sementara bagi Naib Presiden pula difahamkan bakal menyaksikan lima calon menawarkan diri bagi merebut jawatan tersebut yang kini disandang Datuk Husam Musa dan Mohammad Sabu.

Datuk Dr. Hasan Mohd. Ali bagaimanapun dikatakan tidak mempertahankan jawatan Naib Presiden.

Tiga nama yang disebut-sebut untuk merebut jawatan tersebut ialah Ketua Penerangan Pas, Ahmad Awang; Ahli Jawa-

UM-31/5/2007
Turut berlaku perebutan jawatan ialah bagi Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Muslimat serta Naib Ketua Dewan Pemuda Pas



NASHARUDIN MAT ISA

tankuasa Pas Pusat, Mahfuz Omar dan Pesuruhjaya Pas Johor, Datuk Dr. Mahfodz Muhammad.

Difahamkan, seramai 16 calon dicalonkan bagi merebut tiga tempat jawatan ketiga tertinggi dalam Pas itu (tidak termasuk Mursyidul Am dan Timbalan Mursyidul Am).

Bagaimanapun 11 daripadanya menarik diri termasuk bekas penyandang, Datuk Mustafa Ali dan kali ini tiada wakil muslimat turut serta bagi meneruskan tradisi yang dimulakan oleh Dr. Siti Mariah Mahmud dalam muktamar lalu.

Bagi jawatan Ketua dan Timbalan Ketua Pemuda, Salahuddin Ayub dan Idris Ah-



HUSAM MUSA

mad pula, berjaya mengekalkan jawatan masing-masing apabila menang tanpa bertanding.

Kamaruddin berkata, persiapan logistik dari segi kertas undi boleh diuruskan sehingga saat-saat akhir mengikut budi bicara Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh Dr. Daeng Sanusi Daeng Mariok.

Katanya, setakat ini tiada masalah yang timbul di mana proses pemilihan dan pengurusan pemilihan berjalan dengan lancar.

"InsyaAllah kita akan menyaksikan demokrasi benar-benar hidup dalam Pas ini," katanya.

KAMARUDDIN JAAFAR
Setiausaha Agung Pas Pusat



HARUN TAIB

SENARAI PENYANDANG

Mursyidul Am:

Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat

Timbalan Mursyidul Am:

Datuk Dr. Haron Din

Presiden:

Datuk Seri Abdul Hadi Awang

Timbalan Presiden:

Nasharudin Mat Isa

Naib Presiden:

Datuk Husam Musa

Mohammad Sabu

Datuk Dr. Hasan Mohd. Ali

• Dewan Ulama

Ketua: Datuk Harun Taib

Timbalan Ketua: Muhammad Daud Iraqi

Naib Ketua: Hashim Jasin

• Dewan Pemuda

Ketua: Salahuddin Ayub

Timbalan Ketua: Idris Ahmad

Naib Ketua: Mazlan Aliman

• Dewan Muslimat

Ketua: Azizah Khatib Mat

Timbalan Ketua: Dr. Lo'Lo' Mohd. Ghazali

Naib Ketua: Siti Zailah Yusuf